

PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN PELAJAR
PENDIDIKAN KHAS DI POLITEKNIK

TUAN ROSNIMAWATI BINTI TUAN OMAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Dengan Kepujian

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2012

ABSTRAK

Dalam era globalisasi, majikan tidak hanya mementingkan kemahiran teknikal tetapi juga kepada kemahiran insaniah. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan serta kemahiran insaniah paling dominan yang dikuasai oleh pelajar di samping menekankan aspek perbezaan yang melibatkan factor jantina ke atas penguasaan kemahiran insaniah mereka. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan digunakan dan sampel kajian adalah mewakili keseluruhan populasi yang terdiri daripada pelajar bermasalah pendengaran yang mengikuti pengajian di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. Politeknik yang terlibat dalam kajian ini adalah Politeknik Ibrahim Sultan (Johor), Politeknik Syed Sirajudin (Perlis), Politeknik Sultan Salehuddinabdul Aziz Shah (Selangor) dan Politeknik Ungku Omar (Perak). Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan statistic deskriptif dan statistic inferensi bagi mengukur tahap penguasaan kemahiran insaniah responden serta perbezaan tahap penguasaan di antara jantina. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik berada pada tahap tinggi. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penguasaan kemahiran insaniah bagi pelajar lelaki dan perempuan. Walaubagaimanapun terdapat beberapa aspek yang dilihat sebagai kelemahan pelajar seperti penguasaan elemen kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah. Oleh itu hasil dapatan kajian mencadangkan bahawa pensyarah perlu mengambil perhatian dalam melahirkan graduan OKU yang berkualiti bukan sahaja cemerlang dari segi kemahiran teknikal malah cemerlang dari segi kemahiran insaniah.

ABSTRACT

In the era of globalization, the employers do not only put the focus on technical skills but also on soft skills. To deal with this issue, this research was conducted to determine the proficiency level of soft skill among the students with special need, apart from finding out the gender difference in soft skills acquisition. This study was quantitative by its nature and the sample for the research were those who have hearing problem from four polytechnics, namely Politeknik Ungku Omar (Perak), Politeknik Johor Bahru (Johor), Politeknik Sultan Salehudin Abdul Aziz Shah (Selangor), and Politeknik Syed Sirajudin (Perlis). Questionnaire was developed and used as a measurement instrument for this research. The gathered data was analyzed using descriptive and inference statistics method to determine the soft skill proficiency level of the respondents as well as the gender difference. Overall, based on the research outcomes, it was found that the soft skill proficiency among the student with special need (hearing problem) is at a high level. On the other hand, no significant difference was noticed between male and female students. Nonetheless, there are still some aspects that constitute the weakness of the such as critical thinking and problem solving skill. Thus, the lecturers need to be more concerned about this issue in order to produce high quality OKU (handicap) graduates in technical skill as well as soft skill.

KANDUNGAN

	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 LatarBelakangMasalah	2
	1.3 PernyataanMasalah	6
	1.4 TujuanKajian	7
	1.5 ObjektifKajian	7
	1.6 PersoalanKajian	7
	1.7 Hipotesiskajian	8
	1.8 SkopKajian	8
	1.9 KerangkaTeoriKajian	8
	1.10 KepentinganKajian	10
	1.11 BatasanKajian	11

1.12	DefinasiIstilah	11
1.13	Rumusan	12
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Perkembangan Program PendidikanKhas di Malaysia	14
2.3	PendidikanKhasDalam PendidikanTeknik Dan Vokasional	15
2.4	KemahiranInsaniah (KI)	16
2.4.1	KemahiranKomunikasi	17
2.4.2	KemahiranPemikiran KritisdanKemahiran MenyelesaikanMasalah	22
2.4.3	KemahiranBerpasukan	26
2.4.4	KemahiranPembelajaran BerterusandanPengurusan Maklumat	28
2.4.5	KemahiranKeusahawanan	31
2.4.6	KemahiranEtikadan Moral Profesional	35
2.4.7	KemahiranKepimpinan	36
2.5	Kajian-kajianLepas	38
2.6	Rumusan	41
BAB 3	METODOLOGI	42
3.1	Pengenalan	42
3.2	RekabentukKajian	42
3.3	PopulasidanSampel	43
3.4	InstrumenKajian	43
3.5	KajianRintis	44
3.6	Proses Kajian	45
3.7	Pengumpulan Data	47
3.8	Analisis Data	48

3.9	AndaianKajian	49
3.10	Rumusan	49
BAB 4	ANALISIS DATA	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Pengedarandanpengumpulan data	50
4.3	Analisisdapatankajian	51
4.3.1	Tahappenguasaankemahiran insaniah	52
4.3.1.1	Kemahirankomunikasi	53
4.3.1.2	Kemahiranpemikiran kritis danmenyelesaikanmasalah	54
4.3.1.3	Kemahiranberpasukan	55
4.3.1.4	Kemahiranpembelajaranberterusan danpengurusanmaklumat	55
4.3.1.5	Kemahirankeusahawanan	56
4.3.1.6	Kemahiranetikadan moral profesional	57
4.3.1.7	Kemahirankepimpinan	58
4.3.1.8	Tahappenguasaankeseluruhan kemahiraninsaniah	59
4.3.2	Kemahiraninsaniah yang didominasiolehpelajar	60
4.3.3	Analisisperbezaanpenguasaan kemahiraninsaniahberdasarkan jantina	61
4.4	Rumusan	63
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	64
5.1	Pengenalan	64
5.2	Perbincangan	64
5.2.1	Tahappenguasaankemahiran insaniah	65
5.2.1.1	Tahappenguasaankemahiran	

komunikasi	65
5.2.1.2 Tahappenguasaankemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah	66
5.2.1.3 Tahappenguasaankemahiran berpasukan	67
5.2.1.4 Tahappenguasaankemahiran Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat	68
5.2.1.5 Tahappenguasaankemahiran Keusahawanan	69
5.2.1.6 Tahappenguasaankemahiran etik dan moral profesional	70
5.2.1.7 Tahappenguasaankemahiran Kepimpinan	71
5.2.1.8 Tahappenguasaankemahiran insaniah	72
5.2.2 Kemahiran insaniah yang paling didominasi oleh pelajar	74
5.2.3 Perbezaan penguasaankemahiran Kemahiran insaniah berdasarkan jantina	75
5.3 Cadangan	76
5.3.1 Cadangan kepada pensyarah	76
5.3.2 Cadangan kepada pelajar	77
5.3.3 Cadangan kajian lanjutan	78
5.4 Rumusan	78
RUJUKAN	79
LAMPIRAN	84

SENARAI JADUAL

2.1	Elemen-elemen kemahiran komunikasi serta ciri-cirinya	20
2.2	Tujuh panduan yang patut diikuti untuk keberkesanan dalam penghasilan pemikiran kritis serta kemahiran menyelesaikan masalah.	25
2.3	Konsep pembelajaran	29
2.4	Ciri dalam individu dan keterampilan diri usahawan	34
3.1	Huraian Skala Likert	44
3.2	Tahap kebolehpercayaan nilai <i>Alpha Cronbach (α)</i>	45
3.3	Kaedah analisis data bagi setiap persoalan kajian	48
3.4	Tafsiran min bagi tahap penguasaan Kemahiran Insaniah	49
4.1	Butiran Pengedaran dan Pengumpulan Borang Soal Selidik	51
4.2	Interpretasi skor Min	52
4.3	Min, Sisihan Piawaidan Tafsiran Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Bagi Elemen Kemahiran Komunikasi	53
4.4	Min, Sisihan Piawaidan Tafsiran Tahap	

	PenguasaanKemahiranInsaniahBagi ElemenKemahiranPemikiranKritis Dan MenyelesaikanMasalah	56
4.5	Min, SisihanPiawaidanTafsiran TahapPenguasaanKemahiranInsaniah BagiElemenKemahiranBerpasukan	57
4.6	Min, SisihanPiawaidanTafsiranTahap PenguasaanKemahiranInsaniahBagi ElemenKemahiranPembelajaran Berterusan Dan PengurusanMaklumat	58
4.7	Min, SisihanPiawaidanTafsiranTahap PenguasaanKemahiranInsaniah BagiElemenKemahiranKeusahawanan	59
4.8	Min, SisihanPiawai Dan Tafsiran TahapPenguasaanKemahiranInsaniah BagiElemenKemahiranEtika Dan Moral Profesional	59
4.9	Min, SisihanPiawai Dan Tafsiran TahapPenguasaanKemahiranInsaniah BagiElemenKemahiranKepimpinan	60
4.10	Min, SisihanPiawaidanTafsiran PenguasaanKemahiranInsaniahPelajar	61
4.11	AnalisisUjian-T TidakBersandar BagiKemahiranInsaniah	63

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangkateorikajian	10
3.2	Kerangka proses kajian	47

SENARAI SINGKATAN

OKU	-	Orang KelainanUpaya
KI	-	KemahiranInsaniah
IPT	-	InstitutPengajianTinggi

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	:	Carta Gantt	85
LAMPIRAN B	:	Surat KPT	88
LAMPIRAN C	:	SuratPengesahanPakar	91
LAMPIRAN D	:	SuratKebenaran	98
LAMPIRAN E	:	AnalisisKebolehpercayaan	103
LAMPIRAN F	:	Analisis Data	107
LAMPIRAN G	:	InstrumenKajian	116

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan adalah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat atau ummah. Kemajuan atau kemunduran bagi sesebuah masyarakat itu adalah bergantung kepada pendidikan. Oleh itu pendidikan adalah hak asasi semua manusia dan dari segi falsafahnya, semua insan di dunia ini mempunyai hak untuk mempelajari serta mengetahui sesuatu. Apabila berbicara tentang peluang pendidikan terhadap pelajar (OKU) program pendidikan khas, mereka juga tidak terkecuali dari mempunyai cita-cita, minat dan hasrat yang setanding dengan individu normal. Mereka juga perlu diberikan peluang yang sama dengan individu normal yang lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional kerana ada dalam kalangan mereka yang mempunyai kecerdasan kognitif setanding dengan individu yang sempurna malah mereka juga mampu melebihi pencapaian pelajar normal (Lokman, 2007).

Oleh itu, sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia menghadapi tekanan dan cabaran besar dalam menghadapi persaingan abad ke 21. Namun keazaman Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang maju, berdaya saing dan teguh tetap kekal utuh. Berdasarkan petikan kata-kata aluan YAB Perdana Menteri Malaysia dalam bukunya yang bertajuk Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 menjelaskan bahawa misi nasional telah disediakan bagi menggaris pendekatan yang akan dilaksanakan untuk menangani cabaran dan mencapai matlamat negara sepertimana yang telah ditetapkan dalam Wawasan 2020. Sesungguhnya kejayaan agenda pembangunan modal insan kelas pertama amat bergantung kepada mutu sistem

pendidikan negara. Oleh itu kerajaan juga berhasrat untuk mengerakkan satu usaha untuk mentransformasikan pendidikan negara dalam semua peringkat dari pra sekolah hingga pengajian tinggi. Sejalan dengan hasrat kerajaan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menggariskan visi dan misi yang berdaya saing di peringkat global kepada semua pelajar termasuklah pelajar program pendidikan khas (OKU). Visi KPT adalah untuk menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi menjelang tahun 2020. Manakala misi KPT adalah untuk membangunkan serta mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang menggalakkan ke arah menghasilkan pusat ilmu untuk memenuhi keperluan negara dan antarabangsa (KPT, 2007).

Selain berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu, universiti perlu meningkatkan peranan dalam melahirkan modal insan berbakat besar yang berupaya untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan negara. Graduan ideal yang berbakat ini selain menguasai kemahiran teknikal, mereka juga memiliki ciri-ciri kemahiran insaniah seperti bijak berkomunikasi, mahir dalam mengenal pasti dan menyelesaikan masalah untuk penghasilan inovasi, berkesan dalam cara gaya kepimpinan serta kerja berpasukan. Graduan juga bukan sahaja selesa merebut peluang dalam pasaran pekerjaan, malah berupaya menghasilkan faedah daya saing, daya juang dan nilai tambah industri, seterusnya menyumbangkan kepada pembangunan negara tanpa mengambilkira perbezaan serta kesempurnaan fizikal mahupun pemikiran.

1.2 Latar belakang masalah

Dalam era globalisasi, peningkatan dalam permintaan sumber tenaga manusia semakin tinggi telah mendesak majikan untuk memilih pekerja yang bertanggungjawab, pekerja yang dapat menangani tugas yang penuh dengan cabaran, pekerja yang boleh menyesuaikan diri dengan keadaan dan pekerja yang sensitif kepada keadaan sekeliling. Oleh itu, pekerja-pekerja dalam era globalisasi perlu mempelajari nilai-nilai baru termasuklah tentang etika kerja, kepimpinan, kompetensi dalam teknologi maklumat, hubungan interpersonal dan analitikal (Safarin dan Zolkifli, 2005).

Justeru itu, pendidikan merupakan penggerak yang paling penting dalam pembangunan sesebuah negara. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan agen

pendidikan yang menghasilkan sumber manusia yang seterusnya akan menjana ekonomi bagi sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, penguasaan kemahiran insaniah di kalangan para graduan institusi pengajian tinggi sangat penting bagi menjamin keupayaan mereka apabila memasuki alam pekerjaan yang sebenar kelak. Pendidikan Teknik dan Vokasional memainkan peranan penting dalam membina masyarakat khususnya dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang berasaskan maklumat dan dipertanggungjawabkan dalam memperkenalkan konsep pekerjaan kepada pelajar-pelajar. Jikalau k-ekonomi memerlukan seorang pekerja mahir dalam semua aspek termasuk penguasaan kemahiran insaniah untuk menghadapi cabaran globalisasi maka pihak Pendidikan Teknik dan Vokasional pula perlu memberi penekanan dalam hal ini supaya graduannya yang normal mahupun yang berkeperluan khas lebih berkualiti dan mampu memenuhi keperluan industri negara selaras dengan permintaan pada masa sekarang.

Sehubungan dengan itu, untuk menghasilkan pelajar yang memenuhi ciri-ciri yang diperlukan sebagai pekerja industri masa kini tenaga pengajar di Institusi Latihan Teknik dan Vokasional perlu mempunyai pengetahuan terkini, berorientasikan perindustrian dan mempunyai pengalaman bekerja dalam industri serta tinggi kemahiran insaniahnya. Ini penting kerana pengalaman tenaga pengajar yang luas membolehkan tenaga pengajar mengajar dan mendidik pelajar lebih berkesan dan mengetahui apa yang diperlukan untuk seseorang apabila bekerja kelak. Ini adalah kerana kerjaya merupakan suatu aspek yang penting kepada setiap individu. Setiap individu mempunyai cita-cita mahupun kerjaya masing-masing. Sebagai contoh, seseorang yang mempunyai kerjaya seperti guru, tukang masak, jurutera dan sebagainya. Pemilihan kerjaya yang tepat dapat menentukan corak kehidupan serta taraf hidup seseorang. Bagi pelajar orang kelainan upaya (OKU) juga, tidak terlepas dalam mempunyai kerjaya dalam hidup. Hal ini kerana, mereka juga memerlukan kerjaya bagi memenuhi keperluan dan kehendak hidup mereka.

Menurut Mohamad (2010), kebanyakan masyarakat mempertikaikan dalam mengambil pekerja OKU. Masalah ini timbul apabila seseorang OKU datang menghadiri temuduga, dalam pemikiran penemuduga pasti mempunyai seribu satu persoalan yang negatif tentang kebolehan yang ada pada golongan ini. Contoh persoalan yang timbul dan

selalu dikemukakan oleh majikan adalah “ *bolehkah dia melakukan pekerjaan ini?*, “ *bagaimanakah dia dapat menerima arahan?*” dan sebagainya. Hasilnya menyebabkan OKU tidak dapat diterima dalam pekerjaan tanpa memberi kesempatan kepada golongan OKU ini menonjolkan kemahiran yang ada dalam diri mereka. Masalah ini wujud kerana sikap majikan dan juga masyarakat yang berfikir serta bersikap negatif dan memandang rendah terhadap keupayaan yang dimiliki oleh golongan OKU untuk bekerja.

Selain itu, menurut Zinida (2009), terdapat sesetengah majikan yang masih belum terbuka dan belum bersedia dalam memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Antara faktornya ialah pekerja kelainan upaya ini memerlukan pelbagai kemudahan serta majikan perlu memberi latihan mahupun kursus bagi meningkatkan kemahiran yang lain. Jadi, ini semua akan melibatkan perbelanjaan yang tinggi jika majikan mengambil mereka bekerja. Majikan yang mempunyai pandangan yang sterotaip akan menyebabkan golongan kelainan upaya akan didiskriminasikan. Oleh itu, majikan dan juga masyarakat harus diberikan pendedahan yang sewajarnya dalam memberi peluang kerjaya kepada golongan OKU. Di samping itu juga pelajar OKU juga seharusnya memperlengkapkan diri mereka dengan kemahiran lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran membuat keputusan, kemahiran berpasukan, kemahiran berkomunikasi dan lain-lain (Mohamad, 2010).

Ini disokong dengan beberapa petikan dari akhbar baru-baru ini mengutarakan isu kelemahan pekerja OKU. Dalam petikan Berita Harian (2007) yang bertajuk ‘Majikan Tidak Boleh Prasangka, Sangsi Kebolehan OKU’ menyatakan bahawa alasan yang diberikan majikan adalah bimbang dan sangsi akan keupayaan mereka bergaul dan bertemu pelanggan. Kenyataan ini dijelaskan oleh Dr. Wong Huey Siew Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Terbuka Malaysia dan juga merangkap ahli jawatankuasa Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi merupakan isu dan juga elemen yang penting dalam kejayaan sesuatu kerjaya. Terdapat juga petikan dari akhbar Utusan Malaysia (2010) yang bertajuk ‘Rasa Rendah Diri dan Jemu Punca OKU Sukar Dapat Kerja’ dimana, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Kelantan, Pezman Che Hussin menyatakan bahawa perasaan rendah diri merupakan salah satu faktor yang menyebabkan golongan OKU

sukar mendapat kerja. Ini menunjukkan graduan OKU mempunyai keyakinan diri yang sangat lemah. Keyakinan diri dapat diterapkan di dalam kemahiran insaniah. Antaranya di dalam kemahiran kerja berpasukan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan. Keyakinan diri adalah sangat penting dalam memberi keyakinan dan kekuatan pada diri sendiri dan juga kepada orang lain di sekeliling mereka.

Menurut Noraini & Haslina (2009) pula, kebanyakan majikan menyatakan keperluan bagi setiap pekerja adalah kemahiran generik atau insaniah dan juga kemahiran teknikal dalam menjalankan kerja seharian mereka. Majikan pada masa kini amat menitikberatkan kemahiran komunikasi setiap pekerja walaupun pekerja tersebut daripada golongan normal atau kelainan upaya. Bagi mereka, setiap pekerja perlu memperlengkapkan diri mereka dengan kemahiran komunikasi yang mana mereka boleh gunakan bagi menyampaikan sesuatu idea atau pendapat dalam setiap organisasi. Oleh sebab itu, kemahiran komunikasi amat penting dalam pemilihan bagi mendapatkan kerja malah menjadikannya satu kriteria terpenting yang dilihat oleh majikan dalam pemilihan setiap pekerja. Dengan kenyataan di atas jelaslah menunjukkan bahawa penguasaan elemen-elemen kemahiran insaniah adalah sangat penting dalam diri pelajar OKU kerana mereka akan berhadapan dengan situasi ini apabila mereka keluar ke alam pekerjaan kelak. Ini adalah kerana pelajar merupakan aset negara untuk mencapai sebuah negara perindustrian yang maju dan berdaya saing.

Bagi mencapai tahap penguasaan yang baik dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam pengajaran, pendidik perlu membuat perubahan dalam pengajaran dan menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada secara berterusan. Dengan kata lain, untuk menghasilkan pelajar OKU yang baik dan berkualiti, pendidik perlu meningkatkan kemahiran dalam diri terlebih dahulu. Pendekatan untuk kaedah pengajaran dalam pendidikan teknik dan vokasional perlu diubah mengikut kesesuaian kemahiran insaniah yang hendak diintegrasikan dalam pengajaran (Emat, 2005).

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa dengan memiliki kemahiran insaniah, keupayaan graduan mahupun pekerja OKU akan menjadi lebih '*multiskill*' atau kemahiran yang pelbagai dan fleksibel dalam meneroka dunia pekerjaan yang semakin kompleks. Dengan penguasaan kemahiran yang pelbagai ini, pekerja OKU iaitu pekerja yang mengalami masalah pendengaran dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti

kerjayanya dan seterusnya dapat menjadi pekerja yang berpengetahuan (*k-worker*). Walaupun pekerja yang mengalami masalah pendengaran, mereka masih mampu menjadi pekerja yang cekap dan berpengetahuan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara yang kini berasaskan pengetahuan (*k-ekonomi*) melalui peningkatan produktiviti negara dan seterusnya membolehkan negara bersaing dengan negara-negara lain. Sehubungan dengan itu, graduan OKU yang bakal memajukan negara ini perlu mempunyai kemahiran insaniah bagi membolehkan mereka menghadapi segala cabaran alam pekerjaan yang semakin kompleks serta mempunyai kualiti kebolehpasaran dalam pekerjaan yang kini berdaya saing tinggi.

1.3 Pernyataan masalah

Masalah kekurangan kemahiran insaniah dalam kalangan graduan OKU menjadi isu global pada masa sekarang. Ini adalah kerana kemahiran insaniah merupakan salah satu elemen yang penting dalam menjana modal insan yang berkualiti kepada negara. Pendidikan telah menguatkan pembinaan modal intelek dan juga modal insan melalui penekanan kepada aspek kemahiran insaniah. Hal ini bertujuan untuk menghasilkan individu mahupun pelajar OKU yang berjaya di dalam kerjaya.

Sehubungan itu, berdasarkan kepada latar belakang masalah pengkaji ingin mengkaji tahap penguasaan pelajar OKU bermasalah pendengaran terhadap elemen-elemen kemahiran insaniah. Selain itu kajian ini juga akan mengenal pasti elemen kemahiran insaniah yang paling dominan dikuasai oleh pelajar serta untuk mengenalpasti perbezaan penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar program pendidikan khas bermasalah pendengaran di politeknik. Kajian ini adalah wajar dijalankan dalam usaha mengenalpasti penguasaan kemahiran insaniah di kalangan graduan OKU di politeknik.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran insaniah, elemen kemahiran insaniah yang dominan dikuasai oleh pelajar serta

perbezaan penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- (i) Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di Politeknik.
- (ii) Mengenalpastielemen kemahiran insaniah yang paling dominan dikuasai oleh pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di Politeknik.
- (iii) Mengenalpasti perbezaan penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar program pendidikan khas masalah pendengarandi Politeknik.

1.6 Persoalan kajian

- (i) Apakahtahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik?
- (ii) Apakah elemen kemahiran insaniah yang paling dominan dikuasai oleh pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik?
- (iii) Adakah wujud perbezaan signifikan penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik?

1.7 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian yang dijalankan adalah:

Ho : Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar program pendidikan khasmasalah pendengaran di politeknik.

1.8 Skop kajian

Dalam skop kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik. Ini bermakna hanya pelajar yang bermasalah pendengaran akan diambil sebagai subjek dalam kajian ini. Pengkaji akan mengenalpasti tahap penguasaan pelajar program pendidikan khas OKU masalah pendengaran terhadap elemen-elemen kemahiran insaniah iaitu yang terdiri daripada kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan. Di samping itu juga, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti elemen kemahiran insaniah yang paling dominan dikuasai oleh pelajar serta perbezaan dalam penguasaan kemahiran insaniah berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik.


1.9 Kerangka teori kajian

Kerangka teori kajian ini menunjukkan bahawa dalam program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik perlu diterapkan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini terdiri daripada tujuh elemen penting iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan. Kemahiran komunikasi lazimnya berkaitan dengan bahasa yang merujuk kepada cara seseorang mempamerkan diri mereka, dimana ia merangkumi aspek lisan, penulisan dan juga aspek tanpa lisan.

Kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah pula melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Kemahiran kerja berpasukan merujuk kepada pengagihan tugas yang mana setiap ahli pasukan mempunyai peranan tersendiri bagi melaksanakan sesuatu matlamat. Bagi kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat pula adalah untuk mengimbangi

keperluan semasa ekonomi yang berasaskan kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan menterjemahkan kecemerlangan modal insan cemerlang. Manakala kemahiran keusahawanan adalah di mana individu yang menjalankan perniagaan dengan usahanya sendiri, berfikiran secara kreatif dan menginovasi peluang yang ada untuk memajukan perniagaannya. Kemahiran etika dan profesional melibatkan kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial.

Akhir sekali adalah kemahiran kepimpinan iaitu individu yang mempunyai keupayaan mendorong individu-individu lain supaya patuh dengan secara rela hati iaitu tanpa tekanan ataupun paksaan. Oleh yang demikian tahap penguasaan pelajar terhadap elemen-elemen kemahiran insaniah ini merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam usaha untuk melahirkan graduan OKU yang berkualiti. Ini seperti di gambarkan pada Rajah 1.1 di sebelah.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian (Diadaptasi dan diubahsuai daripada Kremen School Of Education & Human Development, 2011)

1.10 Kepentingan kajian

Kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan kepada :

- (i) Graduan OKU: Hasil kajian dapat membantu bakal graduan dalam menyiapkan diri untuk menghadapi dunia pekerjaan.
- (ii) Pensyarah : Hasil kajian ini dapat membantu pihak politeknik dan juga pensyarah dalam melaksanakan program untuk meningkatkan lagi kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar OKU dan diharapkan pensyarah dapat memberikan penekanan yang lebih kepada tahap penguasaan elemen-elemen kemahiran insaniah yang didapati kurang dikuasai oleh pelajar program pendidikan khas masalah pendengaran di politeknik.

1.11 Batasan kajian

Hasil kajian ini mungkin tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar yang lain seperti pelajar normal dan buta kerana kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar OKU masalah pendengaransahaja.

1.12 Definisi istilah

Beberapa definisi istilah telah dikenal pasti untuk mengelakkan kekeliruan didalam kajian :

(i) Pelajar

Pelajar dalam konteks kajian ini adalah pelajar program pendidikan khas dan ianya merujuk kepada pelajarOKU yang mengalami masalah pendengaran sahaja.

(ii) Program Pendidikan Khas

Pendidikan khas adalah untuk melatih pelajar menjurus kepada kemahiran dalam bidang pekerjaan. Maka program pendidikan khas untuk pelajar masalah pendengaran adalah untuk melatih golongan ini kepada kemahiran dalam pekerjaan yang dapat membantu mereka menguruskan kehidupan mereka sendiri kelak. Dalam kajian ini, program pendidikan khas merujuk kepada program pendidikan khas masalah pendengaran.

(iii) Kemahiran Insaniah (KI)

Merangkumi aspek-aspek kemahiran insaniah yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti etika dan moral profesional, keusahawanan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kerjasama berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, komunikasi dan kepimpinan (Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006).

1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini telah memberikan gambaran yang jelas mengenai kajian yang telah dilakukan bermula dari latar belakang masalah hinggalah kepada batasan dalam kajian ini. Kajian yang dijalankan ini adalah mengikut prosedur yang betul dan berasaskan kepada objektif kajian ini. Dalam bab dua pengkaji akan mengemukakan elemen-elemen kemahiran insaniah dan kajian lepas berkaitan dengan kemahiran insaniah.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pendidikan mengikut pandangan umum ialah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Secara khususnya, pendidikan merupakan aktiviti persekolahan yang mana ia mempunyai objektif, rancangan dan organisasi untuk mendidik pelajar supaya menjadi

insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan menguasai kemahiran tertentu dengan harapan pelajar tersebut dapat menyesuaikan diri dengan masyarakatnya pada masa hadapan. Pendidikan di Malaysia adalah satu proses yang berterusan bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan akhirnya dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Pendidikan di Malaysia juga mempunyai asas dan sumber inspirasi yang dijadikan falsafah pendidikan iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Badawi (2006) ada menyatakan bahawa sesungguhnya, kejayaan agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara. Selaras dengan itu, salah satu agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Sistem yang dimaksudkan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran dimana ia hanya mampu bersaing di pasaran kerja global semata-mata malahan sistem tersebut juga perlu membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara majmuk, sistem pendidikan tersebut juga perlu mampu membangunkan masyarakat bersatu padu dan bertoleransi.

Pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia sememangnya menekankan pendidikan seimbang kepada pelajar tidak kiralah sama ada pelajar tersebut normal

mahupun pelajar kelainan upaya (OKU). Pelajar perlu diterapkan dan dididik mengikut keperluan kursus yang diambil dan pelajar juga perlu didedahkan dengan persekitaran yang mampu membangunkan nilai-nilai murni dan elemen-elemen modal insan. Namun begitu, masih banyak elemen nilai tambah yang perlu diterapkan dalam diri pelajar termasuklah pelajar OKU. Ini adalah kerana industri memerlukan bakal pekerja yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan pekerjaan yang ada tetapi juga kemahiran insan atau kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan, kemahiran keusahawanan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

2.2 Perkembangan program pendidikan khas di Malaysia

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1982 menyatakan bahawa program pendidikan khas untuk golongan kelainan upaya terutamanya pelajar-pelajar pekak dan buta dikatakan hampir kesemuanya dikelolakan oleh pihak kerajaan. Menyedari betapa pentingnya pendidikan untuk golongan kelainan upaya atau OKU ini menjadikan tanggungjawab mengelolakannya semakin berat. Menyedari hakikat tersebut, dalam laporan jawatankuasa kabinet tersebut telah menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab mengelolakan golongan kelainan upaya ini kepada pihak kerajaan.

Menurut kenyataan Mahathir (2002), bagi merealisasikan komitmen-komitmen yang dibuat ini, kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai perkhidmatan khususnya perkhidmatan pemulihan, pendidikan dan latihan. Semuanya bertujuan menyediakan orang kelainan upaya agar dapat berdikari serta mampu meningkatkan tahap ekonomi mereka pada masa hadapan. Kerajaan juga menyediakan peluang pendidikan khas kepada kanak-kanak kelainan upaya dan sehingga ini, Kementerian Pendidikan telah menyediakan sebanyak 31 buah sekolah pendidikan khas, iaitu 28 buah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah untuk kanak-kanak kelainan upaya penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran. Malah menurut Chan (2003), kerajaan sedang mengkaji langkah untuk menyerapkan pelajar kelainan upaya yang mengikuti kursus kemahiran di bawah program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dengan kerjasama Kolej Swasta ke 20 buah ILP di seluruh negara. Latihan diberi dalam bidang

perisian komputer bersesuaian dengan keperluan dan kehendak pembangunan negara. Pada masa kini, kesetiausahaan, pembaikan dan penyelenggaraan komputer, elektronik, rekaan dan fesyen turut disediakan. Ramai pelatih kelainan upaya ini yang telah dapat memulakan perniagaan masing-masing setelah tamat latihan ini. Ada juga yang telah bekerja dengan syarikat-syarikat swasta. Jika dahulu sukar untuk melihat golongan ini bekerja di tahap profesional mahupun bersekolah di sekolah pendidikan khas, sekarang tidak lagi. Mereka adalah antara golongan yang mendapat peluang pendidikan sehingga ke tahap tertinggi (sekurang-kurangnya Politeknik). Justeru itu, lebih banyak usaha dan tenaga yang perlu digembelngkan agar nasib golongan kelainan upaya ini sentiasa terbela serta diberi perhatian oleh semua pihak dan lapisan masyarakat.

2.3 Pendidikan khas dalam pendidikan teknik dan vokasional

Pendidikan merupakan asas kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam menjalani kehidupan yang sempurna. Melalui pendidikan ia akan memupuk dan membentuk kemahiran pada seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Dalam pendidikan juga terdapat beberapa cabang yang menentukan pembentukan sesuatu kemahiran. Merujuk kepada pendidikan teknik dan vokasional adalah untuk melahirkan pelajar atau individu terus kepada alam pekerjaan. Pandangan yang dikemukakan oleh Emat (2005) menyebut bahawa Pendidikan Teknik dan Vokasional adalah sebarang pendidikan pada mana-mana peringkat yang cuba menyediakan manusia untuk kerja-kerja tertentu (spesifik) dalam bidang-bidang tertentu. Manakala menurut Rahman (1994) menyatakan pendidikan vokasional merupakan pendidikan yang bertujuan membolehkan seseorang individu itu menjalankan dan membuat beberapa pekerjaan tertentu.

Pendidikan Teknik dan Vokasional meliputi dua bidang pendidikan iaitu pendidikan teknik dan pendidikan vokasional. Oleh itu, konsep Pendidikan Teknik dan Vokasional sebenarnya untuk menerangkan sesuatu program vokasional yang kandungannya meliputi penyampaian pengetahuan teknikal, pemupukan nilai murni atau

pembentukan akhlak dan juga pemberian latihan kemahiran dalam sesuatu bidang pengetahuan.

Melalui Hasmah (2001) pula, beliau ada menyatakan bahawa salah satu rintangan yang dihadapi oleh orang kelainan upaya dalam usaha mereka mendapatkan pekerjaan ialah mengikut tahap pembelajaran dan tahap kemahiran yang diperlukan. Oleh yang demikian, institusi pendidikan, institusi-institusi latihan vokasional serta latihan kemahiran hendaklah menyediakan peluang sama dengan mengadakan kemudahan dan program yang sesuai untuk golongan ini berpeluang meningkatkan keupayaan mereka termasuk juga dengan kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan sekarang. Manakala bagi mengenai pendidikan khas dalam pendidikan teknik dan vokasional pula, Chan (2003) ada menjelaskan, kementerian melalui Institut Latihan Perindustrian juga menyediakan latihan kepada orang kelainan upaya khususnya dalam bidang percetakan. Selain itu, pihak swasta juga tidak ketinggalan dalam memberi pendidikan kepada golongan kelainan upaya. Salah sebuah institusi pendidikan swasta yang menunjukkan keprihatinan mereka ialah Systematic College Petaling Jaya. Menyedari bahawa 10 peratus rakyat negara ini adalah orang kelainan upaya, mencetuskan idea pada pihak kolej tersebut untuk memperkenalkan jurusan Multimedia dengan lima tahap yang boleh diambil oleh golongan kelainan upaya. Perkembangan pendidikan bagi golongan orang kelainan upaya pada masa kini berada pada tahap yang memberangsangkan. Ini adalah hasil daripada keprihatinan dari pelbagai pihak tanpa mengeneppikan elemen modal insan bagi menjadikan pelajar OKU ini lengkap sepertimana pasaran pekerjaan perlukan iaitu dengan suntikan elemen kemahiran insaniah kedalam diri pelajar-pelajar tersebut.

2.4 Kemahiran insaniah (KI)

Kemahiran insaniah adalah intipati suntikan utama pembangunan modal insan yang menjadi teras kepada pembangunan sesebuah negara. Pekerja OKU yang berpendidikan dan berkemahiran berpotensi memiliki modal yang besar untuk dirinya sendiri, masyarakat dan negara. Oleh itu penerapan kemahiran insaniah merupakan satu usaha kearah melahirkan insan atau graduan OKU yang berpengetahuan, berkemahiran,

berinovatif, beretika, terlatih, memiliki jati diri serta memiliki pekerjaan yang sewajarnya. Pendidikan telah menguatkan pembinaan modal intelek dan juga modal insan melalui penekanan kepada aspek kemahiran insaniah dengan menjadikan individu mahupun pelajar OKU yang dihasilkan berjaya di dalam kerjaya. Oleh yang demikian, kemahiran insaniah atau dikenali juga kemahiran generik adalah antara elemen yang dikenal pasti amat kritikal dalam dunia pekerjaan yang bersifat global, apatah lagi dengan perubahan teknologi yang begitu pantas. Oleh itu, graduan IPT mahupun graduan OKU hendaklah menyedari kemahiran insaniah yang memenuhi dan menepati kehendak pasaran kerja dan kehidupan harian yang kian mencabar (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT Malaysia, 2006).

Dalam usaha menentukan elemen kemahiran insaniah untuk dilaksanakan dan diterima guna oleh IPT, kajian dan pandangan pakar serta pengalaman IPT yang telah melaksanakannya perlu diambil kira. Berdasarkan kepada Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skill*) IPT Malaysia, elemen utama yang telah terpilih untuk dilaksanakan di IPT adalah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan

2.4.1 Kemahiran komunikasi

Careers Advisory Office (2007) telah mendefinisikan komunikasi sebagai pertukaran maklumat, fakta, perasaan dan emosi diantara manusia dimana setiap individu yang terlibat boleh menyampaikan idea dan berita kepada orang lain untuk memberi kesan kepada tingkahlaku secara langsung.

Perkataan komunikasi berasal daripada bahasa latin iaitu '*communicare*' yang bermaksud biasa atau perkongsian. Menurut Rusnani (2001) komunikasi lazimnya berkaitan dengan bahasa yang merujuk kepada cara seseorang mempamerkan diri mereka, dimana ia merangkumi aspek lisan, penulisan dan juga aspek tanpa lisan. Bagi aspek bukan lisan ia boleh dilihat pada bahasa badan. Bagi pelajar OKU program

pendidikan khas masalah pendengaran bahasa badan merupakan cara bagi mereka berkomunikasi sesama mereka mahupun dengan orang normal yang lain.

Manakala bagi Judy (1999) beliau membahagikan bentuk komunikasi kepada dua jenis iaitu komunikasi secara personal atau bukan secara personal. Contoh bagi komunikasi secara personal ialah ia melibatkan perbincaraan diantara seseorang individu dengan individu yang lain dan juga seseorang individu dengan ahli kumpulan yang lain. Manakala contoh bagi komunikasi secara bukan personal pula adalah melalui media massa, melalui penulisan jurnal serta melalui penulisan laporan, notis, arahan dan peraturan yang telah ditetapkan bagi perkara yang berkaitan di tempat kerja. Bagi pelajar OKU ini, mereka banyak menggunakan cara komunikasi bukan personal. Mereka menggunakan kaedah penulisan dan juga menggunakan khidmat pesanan ringkas sebagai cara berkomunikasi bersama tenaga pengajar serta rakan-rakan normal yang lain.

Kepentingan komunikasi dapat dilihat secara meluas dalam kehidupan manusia, di mana ia meliputi penyampaian maklumat, penyampaian ilmu pendidikan, untuk hiburan dan juga daya untuk memujuk (Hashim, 2001). Dalam konteks alam pekerjaan, komunikasi ini merupakan sesuatu perkara yang sangat penting. Komunikasi dalam pekerjaan ditakrifkan sebagai kebolehan atau keupayaan seseorang untuk menyampaikan idea serta maklumat ke dalam semua bentuk kerja dan aktiviti yang dijalankan (Resnick dan Wirt, 1996). Oleh itu sebagai pekerja mahupun pelajar OKU tidak dapat terkecuali daripada sistem pengurusan dan dalam situasi begini komunikasi yang berkesan amat diperlukan.

Komunikasi yang tidak berkesan adalah komunikasi yang gagal menyampaikan maksud yang hendak disampaikan. Dengan ini kerja mahupun pengurusan akan mengalami masalah disebabkan oleh komunikasi yang tidak dapat disampaikan secara berkesan. Ini adalah kerana menurut Careers Advisory Office (2007) menyatakan bahawa perkara yang penting dan mustahak yang perlu kepada kejayaan sesuatu pengurusan hendaklah disampaikan secara baik agar segala tugas yang berkaitan dapat dilaksanakan. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh Rahim (2000b) 80 peratus manusia gagal dalam kerjayanya disebabkan oleh satu faktor iaitu mereka gagal berhubung dengan orang lain. Maka masalah komunikasi bagi golongan OKU ini tidak

seharusnya menjadi satu isu kerana komunikasi tidak terhad hanya kepada melalui pertuturan sahaja. Ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Pertubuhan Perniagaan Columbia (2000) dipetik dalam *National Centre for Vocational Education (NCVER)(2003)*, didapati kesemua responden berpendapat komunikasi secara lisan amat penting dalam perniagaan mahupun pengurusan, 90 peratus majikan berpendapat kemahiran menulis sangat berguna. Kajian yang dijalankan oleh NCVER (2003) juga membuktikan bahawa kemahiran berkomunikasi merupakan salah satu kemahiran insaniah yang meliputi keseluruhan elemen didalam Kemahiran Insaniah dan mempunyai elemen-elemen yang lengkap.

Segala aktiviti pengurusan ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa komunikasi yang mantap. Hashim (2001) telah menyatakan bahawa komunikasi yang berkesan meliputi aspek seperti :

- (i) Boleh difahami.
Mesej yang disampaikan dapat difahami dengan tepat oleh penerima.
- (ii) Mempunyai pengaruh terhadap sikap.
Bagaimana komunikasi berjaya digunakan untuk mempengaruhi sikap seseorang atau sekelompok manusia.
- (iii) Tindakan
Penerima melakukan tindakan setelah mendapat mesej daripada penyampaian.
- (iv) Meningkatkan hubungan
Dapat mewujudkan persefahaman dan mengurangkan ketidakpastian.
- (v) Mengembirakan
Memastikan komunikasi yang berlaku tidak menyinggung perasaan orang lain.

Berikutan itu pihak Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jabatan Pengurusan Institut Pengajian Tinggi (2006) telah mengeluarkan modul kemahiran insaniah. Setiap elemen yang nyatakan di dalam modul Kemahiran Insaniah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Pengajian Tinggi Malaysia ini mempunyai tahap dan ciri-ciri yang tersendiri seperti berikut:

- (i) Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.

- (ii) Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas.
- (iii) Kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.
- (iv) Kebolehan menggunakan teknologi dalam pembentangan.
- (v) Kebolehan berunding dan mencapai persetujuan.
- (vi) Kebolehan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang mempunyai budaya yang berlainan.
- (vii) Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan.
- (viii) Kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan.

Manakala berdasarkan buku yang telah ditulis oleh Chrissie (2002) yang bertajuk *Communication Skill* menyatakan elemen-elemen penting dalam kemahiran berkomunikasi serta ciri-cirinya. Elemen-elemen yang dinyatakan ini sangat penting untuk diaplikasikan dalam dunia pendidikan mahupun kerjaya kelak. Di antara elemen-elemen tersebut adalah :

Jadual 2.1: Elemen-Elemen Kemahiran Berkomunikasi Serta Ciri-Cirinya

Elemen Kemahiran Berkomunikasi	Ciri-Ciri
Kemahiran dalam penulisan	<p>Sesuatu penulisan yang baik adalah penulisan yang mudah difahami dan tidak memerlukan seseorang untuk menerangkan tentang isi yang ingin disampaikan.</p> <p>Bagi menghasilkan penulisan yang baik ia perlu melalui 3 peringkat yang penting iaitu melalui peringkat persediaan dan perancangan, penulisan seterusnya semakan.</p> <p>Perancangan adalah penting semoga apa yang ingin disampaikan jelas dan berjalan seperti yang telah dirancang.</p> <p>Penulisan boleh dilakukan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan hasil yang terbaik.</p> <p>Penulisan yang baik hanya dapat dihasilkan melalui semakan ini kerana ia dapat mengelakkan daripada berlakunya kesilapan dari segi tatabahasa dan ejaan.</p>

Jadul 2.1 (sambungan)

Kemahiran dalam interpersonal	<p>Menyatakan pendapat dan perasaan dengan tepat.</p> <p>Dapat meletakkan diri ditempat orang lain.</p> <p>Menunjukkan minat serta mendengar dengan tepat tentang perkara yang sedang diperbincangkan.</p> <p>Dapat mengawal diri dari bermusuhan dengan mereka yang mempunyai pendapat yang berbeza dengan apa yang kita ingin sampaikan.</p> <p>Selain itu seseorang yang mempunyai kemahiran interpersoanal yang baik sentiasa memikirkan faedah yang diperolehi sekiranya bersifat bertolak ansur dan tidak mempunyai sifat dendam.</p>
Kemahiran dalam mengendalikan mesyuarat	<p>Dapat mengenal pasti matlamat serta agenda yang ingin dicapai.</p> <p>Mewujudkan suasana yang selesa dengan sifat keterbukaan, bersifat jujur dan melakukan perbincangan yang efektif.</p> <p>Memberikan peluang kepada setiap ahli untuk mengutarakan pendapat mereka.</p> <p>Sentiasa memastikan topik yang dibincangkan tidak lari dan menyimpang daripada agenda yang telah ditetapkan.</p> <p>Melakukan kesimpulan setelah mesyuarat selesai, sebagai contoh keputusan yang diterima atau ditolak, tanggungjawab setiap individu di dalam sesuatu perkara yang telah dibincangkan serta jadual perlaksanaan.</p> <p>Dapat menyediakan minit mesyuarat yang lengkap.</p>
Kemahiran membaca	<p>Sentiasa menggunakan keupayaan otak pada peringkat tertinggi tanpa menyekatnya bagi memastikan dapat menguasai kemahiran membaca secara efektif.</p> <p>Kemahiran membaca dapat dipertingkatkan melalui sikap semasa membaca, mengikut teknik yang betul serta latihan yang berpanjangan.</p> <p>Ia melibatkan beberapa peringkat penting yang perlu dikuasai iaitu dapat membaca dengan pantas, menggunakan kaedah yang betul semasa membaca, memahami serta mengingati sesuatu yang telah dibaca dan dapat membuat kesimpulan daripada bacaan yang dilakukan.</p>

Jadual 2.1 (sambungan)

Kemahiran membenteng	<p>Meliputi 3 perkara penting iaitu persediaan, bagaimana ingin menyampaikan sesuatu maklumat dengan tepat serta mengawal perasaan gemuruh ketika melakukan pembentangan.</p> <p>Persediaan yang ingin dilakukan meliputi penekanan terhadap objektif kerana ia akan mempengaruhi pembentangan yang dilakukan dari aspek masa, penonton, penyediaan bahan, nota dan lain-lain.</p> <p>Manakala kemahiran penyampaian maklumat meliputi perkara seperti meletakkan diri pembenteng pada situasi pendengar, perkataan yang dituturkan, gaya persembahan dari segi intonasi, ekspresi muka. Selain itu gaya gerak badan juga mempengaruhi pembentangan.</p> <p>Dalam mengawal gemuruh persiapan rapi perlu dilakukan serta menyiapkan jawapan kepada segala kemungkinan.</p>
----------------------	---

2.4.2 Kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah

Menurut Rahim.(1999), pemikiran boleh ditakrifkan sebagai kebolehan untuk menguasai pengetahuan, mengembangkan pengetahuan, mengguna dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari kepada situasi yang sama atau berlainan. Manakala bagi Jabatan Pengurusan Institut Pengajian Tinggi (2006) pula, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Dalam Modul Kemahiran Insaniah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Pengajian Tinggi Malaysia ini telah menggariskan beberapa ciri-ciri kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Ciri-cirinya seperti berikut:

- (i) Kebolehan mengenalpasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi.
- (ii) Kebolehan mengembangkan dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan.
- (iii) Kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif.

- (iv) Kebolehan berfikir melangkaui batas.
- (v) Kebolehan membuat keputusan yang berasaskan bukti yang kukuh.
- (vi) Kebolehan bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan.
- (vii) Kebolehan memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baru.

Pemikiran kritis adalah pemikiran yang mahir dan bertanggungjawab untuk memudahkan proses memberi pendapat, membuat anggaran, kesimpulan atau keputusan dengan bijak. Gaya pemikiran pula adalah bukan berkaitan dengan apa yang dimaksudkan kepada gaya tetapi juga lebih merujuk kepada cara seseorang itu berfikir. Malah, gaya pemikiran ini bukan sekadar mempersoalkan kebolehan atau keupayaan tetapi cenderung kearah bagaimana pelajar menggunakan kebolehan berfikir yang pelajar ada (John dan Geoff, 2005). Ini bermakna pemikiran dilihat berdasarkan kepada cara pelajar OKU itu berfikir serta bagaimana pelajar OKU menggunakan kebolehan berfikir yang ada pada pelajar tersebut. Manakala bagi Rahim (1999) pula menyatakan bahawa perkataan kritis membawa maksud yang tersendiri jika ia didefinisikan secara mendalam. Perkataan kritis atau perkataan kritik adalah berasal daripada bahasa Yunani iaitu "*kritikos*" yang membawa maksud mampu menilai. Oleh itu, pemikiran kritis adalah pemikiran di mana seseorang individu itu dapat berhujah, mengkritik dan dapat mengeluarkan pendapat yang berbeza dengan pandangan orang lain. Selain itu Dodrige (1999) ada menyatakan kemahiran berfikir sebagai *transferable skill* (kemahiran memindahkan sesuatu pengetahuan). Ini bermaksud sebagai contoh seseorang pelajar OKU itu mampu untuk mengaplikasikan pengetahuan yang sedia ada bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan rekaan fesyen berdasarkan kepada apa yang telah dipelajari.

Bagi Mohd dan Hassan (1996), pula menyatakan bahawa berfikir secara analitikal melibatkan daya usaha seseorang itu untuk melihat sesuatu secara terperinci di mana seseorang itu cuba memahami situasi yang kompleks melalui unsur-unsurnya. Manakala pemikiran secara kritikal mengkehendaki seseorang untuk melihat kesilapan, kesalahan, kelemahan dan kecacatan kepada cara-cara berfikir seseorang, atau pada idea dan sesuatu cadangan yang dikemukakan. Bagi pelajar OKU yang mempunyai pemikiran

kreatif akan melihat sesuatu daripada pelbagai sudut dan menghasilkan pelbagai cara untuk melakukan sesuatu. Matlamat utama yang ingin dicapai bagi mereka yang mempunyai pemikiran kreatif ialah untuk mencari pelbagai persepsi, konsep, idea, cara menyelesaikan masalah, meleraikan konflik, mereka cipta, mengatur strategi dan taktik.

Kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah adalah saling melengkapi di mana untuk menyelesaikan sesuatu masalah pemikiran kritis dan kreatif diperlukan agar keputusan yang dibuat adalah tidak salah (NCVER, 2003). Manakala bagi Mohd dan Hassan (2003b) telah menyatakan kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah menjadi faktor yang mempengaruhi kejayaan seseorang dalam dunia pekerjaan atau dunia profesional kelak.

Menurut Huffman dalam Lydia dan Schleifer (1996) menyatakan kerangka pemikiran secara kreatif terbahagi kepada tiga komponen penting iaitu ;

- (i) Komponen afektif terdiri daripada emosi yang akan mempengaruhi pemikiran secara kreatif.
- (ii) Komponen kognitif iaitu proses yang terlibat dalam membuat keputusan.
- (iii) Komponen *behaviour* adalah tindakan yang patut dilakukan dalam pemikiran secara kreatif.

Kemahiran menyelesaikan masalah pula merupakan kebolehan seseorang untuk menggunakan proses-proses menyelesaikan masalah seperti mengenalpasti masalah dan peluang, menganalisa aspek utama dalam masalah yang diberikan dan mengimplementasikan strategi untuk mencari penyelesaian. Seseorang pelajar mahupun pekerja OKU perlu berupaya untuk mengaplikasikan strategi-strategi penyelesaian masalah mengikut situasi yang berlaku. Penilaian perlu dibuat keatas setiap tindakan yang diambil dalam proses penyelesaian masalah. Bagi Resnick dan Writ (1996), kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis diperlukan bagi mencapai strategi yang jitu dan berkesan dalam mencari penyelesaian kepada masalah atau isu yang timbul.

Mohd dan Hassan (1996), menyatakan bahawa sistem pendidikan negara melakukan banyak kesilapan, di mana guru-guru percaya bahawa para pelajar yang mempunyai IQ yang tinggi secara azali dan semulajadi iaitu sejak lahir dianggap pandai berfikir dan tidak perlu mereka diajar untuk berfikir. Keduanya, guru-guru percaya pelajar yang tidak mempunyai IQ yang tinggi tidak perlu diajar berfikir kerana mereka

RUJUKAN

- Ahmad Badawi, A. (2006a). “ *Ucapan Pembentangan 2007*”. Kuala Lumpur.
- Ahmad Badawi, A. (2006b). “ *Pembentangan Rancangan Malaysia (RMK9)*.” Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz, A.R (2000). “ *Kemahiran Sosial Asas*”. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributers Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid, A.R (2000). “ *Pendidikan Menjurus Kepada Dunia Pekerjaan Dalam Wawasan Dan Agenda Pendidikan*”. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Rashid, A.R (2006). “ *Pendidikan Bertaraf Dunia Dalam Wawasan Dan Agenda Pendidikan*”. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Rashid, A.R (1999). “ *Kemahiran Merentasi Kurikulum*.” Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdul Latif, A. (2005). *Perkaitan antaratah ap kemahirangenerik dengan pencapaian prestasi pelajar: kajian kesterhadap pelajar tahun akhir fakulti pendidikan*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesissarjana.
- Abdul Ghafar, M.N. (1999). “ *Pengkajian Pendidikan*.” Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Arsat, M. & Abd.Kadir, N.R (2010). “ *Kemahiran Generik Dalam Faktor Pemilihan Jurutera Mengikut Perspektif Industri Pembinaan*”.:Universiti Teknologi Malaysia.
- Ariffin, Z. (2009). *Kerjaya Golongan Kurang Upaya*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Bername News (2007). Ketiadaankemahiran insaniahpuncasiswazah menganggur, kata Mustafa. Di capai pada Oktober 29, 2011 dari <http://blis.bernama.com/mainhome.do>

- Careers advisory office (2007). “ *Communication Skills*”. Dicapai pada Oktober 29, 2011 dari <http://www.careeradvisory.com>
- Chrissie Wright (2002). “ *A Practical Handbook: Communication Skills*”. London: The Industrial Society.
- Chua Y. P. (2006). “ *Kaedah dan statistik Pengkajian: Asas Statistik Pengkajian Buku 2.* ” Selangor: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Davis, J. W (2001). “ *Communication: A Guide For Engineering And Apply As Cence Students*”. Singapore: Pearson education Limited.
- Dodrige, M. (1999). “ *Generic Skills Requirement for Engineers On The 21th Century.* ” ASEE/IEEE Frontiers In education Conference.
- Dora, M.T, Yusof, M.N & Zainuddin, Z. (2008). *Kemahiran Insaniah*. Edisi Pertama. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia.
- Dora, M. T., Kudus, N. & Ali, R. (2008). *Kemahiran Insaniah*. Edisi Pertama. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia.
- Emat, Y. (2005). “ *Pendidikan Teknik Dan Vokasional*”. Selangor. IBS buku.
- Hoffman, B. dan Ritchie, D. (1997). Instructional science. *Using Multimedia to Overcome The Problems with Problem – Based Learning*. 25: 97-115
- George, D. & Mallery, P. (2003). “ *SPSS for Windows Step By Step: A Simple guide and Reference 11.0 update*”. 4th edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Ibrahim B., Mastor, S., Salleh K.M dan Sulaiman N.L (2009). “ *Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan Di Dalam Kokurikulum Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Unversiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Jabatan Pengurusan Institut Pengajian Tinggi Malaysia (2006). “ *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia.* ” Serdang, Selangor; Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- John. B & Thwaites, G. (2005). *Thinking Skills United Kingdom: Cambridge Universiti Press*.
- Judy, S. (1999). “ *Comunication Skill For The Environmental Technician*”. United state Amerika : INTELECOM.
- Jalil, S.A (2012, Mac 17). “ *Ramai Majikan Enggan Beri Kerja Kepada OKU*”. Utusan Malaysia. Dicapai pada Jun 2, 2012 dari www.mohr.gov.my
- Kementerian Pengajian Tinggi (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara* . Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi

- Lokman, M.T., NurulQistin, M & Mohd Hanafi, M.Y. 2009. *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Untuk Pelajar Berkeperluan Khas*. Jurnal Pendidikan 24 (73-87)
- Lydia.L. & Schleifer, F. (1996). " *The Intenal Auditor and The Critical Thinking Process*." *Managing Auditing Jurnal*, vol 11 (5), page 5-13.
- Malek, A. (2005). " *Profil Pelajar Dalam Kemahiran Kerja Secara Berpasukan Di Politeknik KPTM*." Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesissarjana.
- Michael P. M. (2003). *Social Skills and Problem Behaviour Assessment of General and Special Education Career and Technical Education Students*. *Journal For Vocational Special Needs Education*, 25 (3)
- Mohamad M. (2000). *Cabaran Kerjaya Golongan Kurang Upaya*. Dicapai pada November 9, 2011 dari [http:// www.ipg.edu.my/meeze/](http://www.ipg.edu.my/meeze/)
- Mohamad, N. (2010, Mac 17). *Rasa Rendah Diri Dan Jemu Punca OKU Sukar Dapat Kerja*. *Utusan Malaysia*. Dicapai pada November 3, 2011 dari <http://utusan.com>
- Mohd, A. & Hassan, A. (1996). " *Kemahiran Berfikir: Kepintaran Daya Cipta*". Kuala Lumpur: Utusan Publication & distribution Sdn. Bhd.
- Mohd, A. & Hassan, A. (1997). " *Memahami Pemikiran Lateral*". Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Mohd, A & Hassan, A. (2003a). " *Pemikiran Lateral: Teknik-teknik Berfikir Cara Baru Untuk Menerbit Idea-idea Kreatif*". Bentong Pahang: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Mohd, A. & Hassan, A (2003b). " *Belajar Berfikir*". Janda Baik Pahang: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Mohd, A. & Hassan, A. (2003). " *Bakat dan Kemahiran Pemimpin*". Janda Baik, Pahang: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Mohd Noor, N. & Mohammad, H. (2010). " *Persepsi Majikan Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pekerja OKU (fizikal) di Industri Sederhana (Kejuruteraan Mekanikal) Daerah Johor Bharu*". : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Noh, N. (2008). *Penguasaan Kemahiran Isaniah Dlam Kalangan Pensyarah Terhadap Pen*

- gurusanMakmal Di Politeknik*. UnversitiTun Hussein Onn Malaysia: Tesissarjana.
- Safarin, M. danZolkifli, M (2005).“ *TahapKeyakinanKemahiranGenerik Di KalanganPelajarKolejKomuniti.*” KertasKerja Seminar Pendidikan, UniversitiTeknologi Malaysia.
- Kamsah, MZ (2005). “ *Developing Generic Skills In Classroom Enviroment: Engineering Student Perspektif.*”Skudai, Johor: UniversitiTeknologi Malaysia.
- National center for vokasional education (NCVER) (2003).“ *Defining Generic Skills: At A Glance*”. <http://www.ncver.edu.au/genericskills/nr1008>.Dicapai pada 3 November 2011
- National Association of Collages and Employers (2005). “NACE Research: Job 2006- Student Version.” <http://www.jobweb.com/joboutlook/2006/JO6Student.pdf>.Dicapai 5 November 2011
- Norani, M.N danNorshahima, M.S (2008).*PenerapanKemahiran generic PelajarSarjanaMudaTeknologi Serta PendidikanTahunEmpat Di UTM SemasaLatihanIndustri*:UniversitiTeknologi Malaysia.
- Omar, S. R &Hussein, H. (2008).).*KemahiranInsaniah*. EdisiPertama. Melaka: UniversitiTeknikal Malaysia.
- Ooi, L.B. (2003). “*PencapaianPelajarWanita Diploma DalamBidangKejuruteraan di PoliteknikKementerianPengajianTinggi Malaysia.*”KolejUniversitiTun Hussein Onn Malaysia: TesisSarjana.
- Razak, N. (2008). “*PenerapanKemahiranInsaniahMelaluiPembelajaran KoperatifDalamMatapelajaranPengurusanKokurikulum Di FakultiPendidikanTeknikalUniversitiTun Hussein Onn*”.UniversitiTun Hussein Onn Malaysia: TesisSarjana.
- Resnick, L.B. &Wirt, J.G. (1996). “ *A School To Work Transition System. The Role Of StandartsAndAssesments.*” Dalam Barton, P.E.“ *Linking And School And WorkRoles For Standart And Assessment.*”Edisipertama. Sans Fransisco: Joeybass Inc. Publisher.
- Rhonda, S. Black, Kathleen D. M & Ruth B. (2003).“ IndividualistAnd Collectivist Value In Transition Planning For Culturally Diverse Student With Special Needs”: *Journal For Vocational Special Needs Education*, 25 (2)

- Saifullizam, P. (2006). *Modul Pengajaran Pengurusan Kokurikulum Fakulti Pendidikan Teknikal*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Shah, I. M. (2006). *Kepimpinan Dan Hubungan Interpesonal Dalam Organisasi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Tengku Mahalil, T. A. (2002), "Ciri-Ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini". Seminar Antara Industri Dan Pendidikan Awam, Universiti Teknologi Malaysia:
- Usha, M. M. dan Liong, C. Y. (2007). "Persepsi Pelajar Terhadap Atribut Pekerjaan dan Implikasinya ke atas Pendidikan Universiti." *Sains Malaysia*: 36(2)(2007): 213-223
- Wong (2007, Jun 29). *Majikan Tidak Boleh Prasangka Sangsi Kebolehan OKU*. *Berita Harian*. Dicapai pada November 3, 2011 dari <http://www.bharian.com.my/article/>
- Yaacob, H. F (2001). "Komunikasi Antara Manusia." Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Yeop, H. B (2006) "Kerja Berpasukan." Edisi Pertama. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.